

**SOALAN NO.: 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB Tuan Hee Loy Sian  
[PETALING JAYA SELATAN ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- a) mengapa "Wang Derma" berjumlah RM2.6 bilion dimasukkan ke akaun persendirian Perdana Menteri bukan ke akaun parti; dan
- b) siapakah penderma tersebut dan tujuan wang ini didermakan

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA DATO' OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Pertanyaan ini akan di jawab secara serentak bersama dengan pertanyaan-pertanyaan lain yang mempunyai maksud yang sama pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian dalam persidangan kali ini juga.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[ SEPANG ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN : 37**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:**

- a) adakah Kerajaan telah menjalankan audit ke atas pembinaan dan kemajuan (*construction and development*) KLIA2 seperti yang dijanjikan Menteri Pengangkutan dan jika telah dimulakan audit tersebut, apakah status audit tersebut dan bilakah dijangka siap audit tersebut, jika belum mengapa; dan
  
- b) berapakah, setakat bulan September 2015, jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh MAHB bagi membuat kerja-kerja pembetulan (*repairs*) kerosakan-kerosakan di KLIA2

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pengangkutan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bebas Keselamatan KLIA2 yang dianggotai oleh individu daripada pelbagai agensi seperti Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Kementerian Kerja Raya (KKR), G&P Profesional, Petronas dan wakil daripada Board of Engineers. Jawatankuasa ini ditubuhkan pada Januari 2015 dengan tujuan untuk mengaudit dan meneliti isu-isu mendapan di parkir apron, takungan air di taxiway dan runway serta retakan di banguna terminal yang mempunyai implikasi kepada keselamatan KLIA2. Jawatankuasa ini dijangka akan membentangkan laporan akhir pengauditan pada akhir Oktober 2015.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan juga telah menubuhkan satu Pasukan Khas untuk melaksanakan audit ke atas pembinaan dan kemajuan (*construction and development*) KLIA2 pada bulan Ogos 2015. Pasukan Khas ini yang turut disertai oleh Agensi-Agenzi Kerajaan seperti Jabatan Audit Negara, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan, Jabatan Kerja Raya, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Penerbangan Awam dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia akan menjalankan audit tersebut mulai penghujung bulan Oktober 2015 dan laporan terperinci dijangka siap 6 bulan selepas tarikh audit bermula.

- (b) Jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh MAHB bagi membuat kerja-kerja pembaikan (*repairs*) kerosakan-kerosakan di KLIA2 sejak pembukaan KLIA2 adalah sebanyak RM76.5 juta.